

**PIPIT PADANG**  
Olive-backed Pipit

FAMILI: Motacillidae  
NAMA SAINTIFIK: *Anthus hodgsoni*

**CIRI-CIRI**

Individu dewasa bagi spesies ini terbahagi kepada beberapa sub-spesies di mana individu dewasa bagi sub-spesies *A.h.yunnannensis* mempunyai taburan yang meluas. Individu ini mempunyai bahagian atas badan yang berwarna kehijauan serta bahagian kening yang berwarna putih dan lebar. Pada sisi bahagian telinga, terdapat tompokan berwarna putih dan hitam serta terdapat jalur-jalur yang berwarna kehitaman pada bahagian dada yang berwarna kuning pucat dan pada sisi bahagian badan. Bulu pada bahagian atas badan akan bertukar ke warna hijau kekelabuan apabila rosak manakala bahagian bawah badan pula menjadi lebih putih. Berbeza dari individu dewasa, individu juvenil bagi spesies ini mempunyai bahagian badan yang berwarna coklat serta terdapat jalur-jalur yang lebih gelap pada bahagian atas badan. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 16 sm-17 sm.

**MAKANAN**

Makanan utama spesies ini terdiri daripada serangga-serangga yang bersaiz kecil.

**HABITAT**

Spesies ini boleh dijumpai di pinggir kawasan hutan, hutan sekunder serta di kawasan hutan terbuka dan hutan berkayu, pada ketinggian sehingga ke 2,590 m dari aras laut.

**BUNYI**

Burung ini mengeluarkan bunyi yang cepat dengan nada yang tinggi dan lembut. Semadsa terbang, ia mengeluarkan bunyi *teez* atau *spiz* yang halus serta bunyi *tsi tsi* yang pendek sekiranya dalam keadaan terancam.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini membiak di India. Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Mei hingga Julai di mana sarang dibina berbentuk seperti cawan pada bahagian permukaan tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 3-5 biji berwarna coklat gelap serta terdapat bintik-bintik yang berwarna gelap dan kadangkala berwarna kelabu pudar serta terdapat bintik-bintik yang berwarna coklat kekelabuan. Telur ini berukuran kira-kira 21.4 X 15,8 mm secara purata.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.